

PERUNDANGAN

Hormati institusi kehakiman negara

Mahkamah Persekutuan baru-baru ini telah membuat keputusan untuk mengekalkan hukuman penjara lima tahun terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana kesalahan meliwat bekas pembantunya Mohd Saiful Bukhari Azlan pada 2008.

Panel lima hakim diketuai Ketua Hakim Negara Tun Arifin Zakaria juga telah menolak rayuan balas pihak pendakwaan untuk menambah tempoh hukuman penjara dan rayuan Anwar bagi hukuman lebih ringan.

Panel hakim terbabit yang turut dianggotai Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Md Raus Sharif dan Hakim Mahkamah Per-

sekutuan Tan Sri Abdull Hamid Embong, Tan Sri Suriyadi Halim Omar dan Datuk Ramly Ali telah mengekalkan keputusan Mahkamah Rayuan yang lalu dengan menjatuhkan hukuman penjara lima tahun terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Keputusan yang dikeluarkan oleh pihak Mahkamah Persekutuan dibuat setelah mendengar penghujahan daripada peguam yang mewakili Anwar dan Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mengetuai pasukan pendakwaan di dalam kes terbabit.

Terima pelbagai reaksi

Keputusan yang telah dibuat oleh pihak Mahkamah Persekutuan

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

terbabit telah mula menerima pelbagai reaksi pelbagai pihak baik dari dalam negara mahupun dari luar negara kerana kes itu membabitkan individu penting dalam negara kita.

Apa jua reaksi yang diberikan, adalah penting bagi semua pihak

untuk bertenang serta menghormati keputusan yang dibuat oleh pihak mahkamah bagi terus menjamin kestabilan serta keyakinan masyarakat terhadap institusi undang-undang serta kehakiman negara.

Sudah pasti sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak mahkamah dalam negara kita dibuat berdasarkan bukti serta keterangan yang telah diberikan dalam tempoh sesuatu perbicaraan yang dibuat.

Ini juga disokong dengan segala penghujahan yang dilakukan oleh pihak guaman yang pakar dengan bidang masing-masing di dalam sesuatu kes perbicaraan. Fungsi mahkamah adalah untuk menegakkan keadilan.

Bagi memastikan kesempurnaan sistem kehakiman berjalan dengan baik, institusi mahkamah perlu setiap masa membuktikan proses keadilan berjalan dengan saksama berlandaskan undang-undang sedia wujud dalam negara kita tanpa mengira siapa juga yang diadili.

Ini penting untuk memastikan kepercayaan orang ramai terhadap kewibawaan mahkamah dalam negara kita sentiasa dipertahankan. Di mana-mana negara yang bertamadun yang mana rakyatnya menghargai kehormatan dan kesejahteraan hidup, semua pihak akan sentiasa mengharapkan mahkamah melaksanakan tanggungjawabnya secara bebas dan berkecuali serta yang paling penting tanpa berasa bimbang.

Adalah penting untuk semua pihak menghormati institusi kehakiman. Sebarang ketidakpuasan terhadap sesuatu keputusan bolehlah disalurkan melalui proses serta peruntukkan undang-undang yang telah ditetapkan dalam negara kita berdasarkan prinsip Perlembagaan yang telah diikuti sejak kita merdeka pada tahun 1957.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).